

PENGARUH RANGSANGAN DAN STAIL PEMBELAJARAN KE ATAS PRESTASI HAFAZAN: KAJIAN KES DIPLOMA TAHFIZ WA AL-QIRAAT, KOLEJ UNIVERSITI INSANIAH (KUIN) 2008

**Norazlina Zakaria¹, Muhammad Safizal bin Abdullah², Mohammad Hazli Ismail³,
Sharifah Azizah Syed Sahil Jamalullail⁴**

¹ (norazlina.zakaria@uum.edu.my) Universiti Utara Malaysia, ² Universiti Malaysia Perlis, ³ Universiti Islam Antarabangsa Sultan Abdul Halim Muadzam Shah, ⁴ Penyelidik Bebas

Abstrak

Kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti pengaruh rangsangan dan stail pembelajaran ke atas prestasi akademik pelajar. Dua instrumen, Learning Style Inventory (Dunn, Dunn dan Price, 1978) yang telah diubahsuai dan Perceptual Learning Style Preference Survey (Reid, 1984) telah diberikan kepada satu sampel rawak seramai 308 pelajar program diploma dan ijazah sarjana muda di KUIN. Data-data kajian ini dianalisis dengan menggunakan perisian SPSS versi 12 dengan mengaplikasikan statistik deskriptif dan inferen bagi mendapatkan hasil kajian. Hasil kajian mendapati hanya rangsangan emosi yang menunjukkan hubungan yang signifikan dengan prestasi akademik pelajar. Rangsangan fizikal, persekitaran, sosial, dan psikologi tidak menunjukkan sebarang hubungan dengan prestasi akademik pelajar. Manakala, stail pembelajaran yang mempunyai hubungan yang signifikan dengan prestasi akademik hanyalah stail pembelajaran secara individu. Stail-stail pembelajaran lain seperti visual, auditori, kinestetik, taktil, dan berkumpulan gagal menunjukkan sebarang pengaruh ke atas prestasi akademik. Berdasarkan hasil dapatan tersebut, beberapa cadangan telah diutarakan.

Kata kunci: Stail pembelajaran, rangsangan pembelajaran, tahfiz, hafazan

1.0 PENGENALAN

Sejarah Perkembangan Pembelajaran Kaedah Hafazan Al-Quran

Bidang hafazan al-Quran bermula semenjak penurunan ayat al-Quran yang pertama. Ketika Rasulullah S.A.W. berumur 40 tahun dan sedang beribadat di Gua Hira', Allah S.W.T. telah memerintahkan Jibrail A.S. untuk mengajarkan al-Quran kepada baginda. Ayat pertama yang dibaca adalah 'iqra' yang diulang sebanyak tiga kali oleh Malaikat Jibrail A.S. dan kemudian dibaca kembali oleh baginda secara hafazan.

Bacaan Rasulullah S.A.W. bukanlah hafazan semata-mata, tetapi bacaan untuk difahami dan diingati. Sebagaimana yang digambarkan bahawa Rasulullah S.A.W. telah menggerak-gerakkan lidahnya berkali-kali sehingga Allah S.W.T. mengingatkan agar tidak berbuat demikian. Sebagaimana firman Allah S.W.T. dalam al-Quran:

Terjemahannya:

“Janganlah kamu menggerakkan lidahmu untuk membaca al-Quran kerana hendak cepat (dan terburu-buru untuk menguasainya). Sesungguhnya atas tanggungan Kamilah mengumpulnya (di dada mu) dan (membuat mu pandai) membacanya. Apabila Kami telah selesai membacanya maka ikutilah bacaan itu”.

(al-Qiyamah: 16-18)

Seterusnya Rasulullah S.A.W. mengajar al-Quran itu kepada para sahabatnya juga menerusi hafazan. Proses turunnya al-Quran adalah secara berperingkat-peringkat, sedikit demi sedikit. Tentunya hal ini dapat membantu dan memudahkan Rasulullah S.A.W. untuk menyampaikannya kepada para sahabat, yang kemudiannya menghafaz dan memahami isi kandungannya. Kebiasaan tidak terburu-buru ini dikekalkan sehinggalah menjadi salah satu kaedah atau *manhaj* dalam menghafaz al-Quran (al-Hafiz, 2001:20).

Penyampaian al-Quran secara sedikit demi sedikit telah dipraktikkan oleh Jibrail A.S. kepada Rasulullah S.A.W. Caranya dengan memperdengarkan bacaannya lalu diikuti oleh sahabat sebelum menghafaznya. Selain itu, baginda juga menyuruh beberapa orang sahabatnya yang pandai agar menulis ayat-ayat suci al-Quran yang hendak dihafaz di atas kepingan batu-batu, tulang-tulang dan pelepah tamar. Rasulullah S.A.W. mengajarkan al-Quran kepada sahabat dengan cara 'musyafahah' dan 'taqlidi' iaitu dengan membaca antara dua hingga sepuluh ayat menurut ayat-ayat yang diturunkan (Ismail, 1987: 100). Hal ini dijelaskan dalam suatu hadis yang bermaksud:

“Sesungguhnya Jibrail A.S. menurunkan al-Quran kepada Muhammad lima ayat lima ayat.” (Hadith Sahih, riwayat Ibn 'Asakir)

Hadis yang serupa diriwayatkan dari 'Umar Bin Khatab R.A., kata beliau:

Terjemahannya:

"Pelajari al-Quran lima ayat demi lima ayat, kerana sesungguhnya Jibrail menurunkan al-Quran kepada Nabi Muhammad S.A.W. lima ayat demi ayat." (Hadith Hasan, riwayat al-Baihaqi)

Mohd Yusuf (2002:54) menjelaskan bahawa setiap hari baginda Rasulullah S.A.W akan membaca al-Quran yang diterimanya pada malam hari sebelumnya serta menghuraikan maksudnya. Di samping itu, baginda menasihatkan sahabat-sahabatnya supaya menghafaz ayat-ayat yang telah dibacakan itu dan seterusnya mengamalkan perintahnya. Sebaik sahaja para sahabat menerima pelajaran daripada ayat atau surah, maka mereka mengulang-ngulang secara istiqamah sehingga sebat di dalam dada mereka pada malam harinya, dan seterusnya menyampaikan pula kepada ahli keluarga dan sahabat-sahabat yang lain.

Pada zaman tabi'in dan seterusnya selaras dengan perkembangan Islam ke seluruh dunia, lahirlah pusat-pusat pengajian seperti madrasah, sekolah, maktab dan sebagainya. Namun begitu, sistem pengajian yang diamalkan oleh Rasulullah S.A.W. masih lagi diikuti di setengah-setengah tempat. Pembelajaran secara hafazan dilakukan dengan guru membaca ayat-ayat al-Quran kepada pelajar (*imla'*) dan pelajar menuliskannya di atas '*luh*' atau papan batu. Setelah itu, guru akan melihat tulisan pelajarnya dan membetulkan jika ada kesalahan. Seterusnya guru membacakannya sekali lagi diikuti dengan pelajar, kemudian pelajar akan pergi ke tempat lain dan membacanya sehingga hafaz. Apabila telah menghafaz ayat-ayat itu dengan fasih, pelajar akan datang semula kepada guru dan membaca di depan guru (*tasmi'*). Jika ada kesalahan pada bacaan tersebut, guru akan membetulkannya dan jika tiada kesalahan, maka ayat-ayat itu akan dipadam dan ditulis ayat baru untuk dihafaz. Cara pengajaran al-Quran di peringkat ini dilakukan dengan mengajar ayat-ayat pendek dan diulangi berkali-kali bersama guru hingga terlekat dalam ingatan mereka. Mereka diajar tanpa diberi penjelasan tentang maksud ayat-ayat dan kadang-kadang diberi sedikit sebanyak pengertian dan huraian demi untuk menambahkan lagi keberkatan dan benih-benih ke-Islaman, taqwa dan keikhlasan di jiwa kanak-kanak kerana pada peringkat tersebut merupakan peringkat paling sesuai untuk mengingatkan sesuatu (al-Ahwany, 1983:83).

Corak pembelajaran dan pengajaran al-Quran pada zaman ini tidak jauh bezanya dengan apa yang diamalkan dan diajarkan oleh Rasulullah S.A.W. kepada para sahabatnya. Apa yang membezakannya adalah penggunaan alat tulis yang lebih moden seperti '*luh*' atau papan batu. Malah ketika ini, wujud kesedaran mengenai kepentingan penghafazan al-Quran menyebabkan pembelajaran dan pengajarannya dilakukan dengan lebih intensif dan sistematik.

Sistem Pendidikan Tahfiz al-Quran Di Malaysia

Seiring dengan kesedaran dan kebangkitan umat Islam di Malaysia, pendidikan menghafaz al-Quran mengalami perkembangan yang memberansangkan. Banyak pusat-pusat pengajian Tahfiz al-Quran muncul di seluruh negara, sama ada bawah kelolaan kerajaan atau swasta. Pusat-pusat Tahfiz ini mempunyai persamaan dan perbezaan di antara satu sama lain daripada sudut struktur pentadbiran dan kewangan, sistem pendidikan dan kurikulum yang digunakan. Secara umumnya, pendidikan pusat-pusat Tahfiz di Malaysia dapat dibahagikan kepada kaedah moden dan tradisional.

Menurut Wan Mohamad (1997:17) pendidikan Tahfiz al-Quran cara moden bermaksud pendidikan yang mempunyai struktur yang tersusun, meliputi sudut pengurusan, kurikulum dan kemudahan infrastrukturnya. Pendidikan cara moden ini dianjurkan oleh pihak kerajaan pusat atau kerajaan negeri. Manakala pendidikan Tahfiz cara tradisional pula bermaksud pendidikan yang tidak tersusun dengan baik dari sudut pentadbiran, kurikulum dan kemudahan infrastrukturnya adalah seperti sistem pendidikan Pondok. Lazimnya pendidikan secara tradisional ini dikelolakan oleh orang perseorangan atau swasta.

Latarbelakang Kulliyah Al-Quran, KUIN

Kulliyah Al-Quran, KUIN mempunyai sejarah yang panjang daripada segi susur-galur penubuhan dan pentadbirannya. Pada awal penubuhannya ia dikenali sebagai Ma'had Tahfiz al-Quran Negeri Kedah, dan diasaskan pada tahun 1985 bertempat di Rumah Saudara Baru, Jalan Telok Wanjah, Alor Star dengan seramai 12 orang pelajar sulungnya yang merupakan pelajar lelaki sahaja.

Pada tahun 2001, Ma'had Tahfiz al-Quran Negeri Kedah telah diserapkan di bawah pentadbiran Kolej Universiti INSANIAH yang pada ketika itu masih dikenali sebagai INSANIAH. Ma'had Tahfiz al-Quran Negeri Kedah secara rasminya menjadi sebahagian daripada INSANIAH pada tahun 2003. Kini Ma'had Tahfiz al-Quran Negeri Kedah dikenali sebagai *Kulliyah al-Quran*, dan menawarkan program pengajian di peringkat diploma dalam bidang Tahfiz wa al-Qiraat. Kini setelah berusia hampir 24 tahun, bilangan pelajar keseluruhan *Kulliyah al-Quran* berjumlah seramai 170 orang pelajar, terdiri dari lelaki dan wanita. Manakala tenaga pengajarnya pula adalah seramai 20 orang dengan kesemuanya merupakan graduan Universiti al-Azhar, Mesir.

Objektif penawaran Program Diploma Tahfiz wa al-Qiraat ialah untuk:

- i. Menawarkan program pendidikan yang seimbang bagi melahirkan huffaz, graduan dan intelek yang mampu berperanan sebagai ulama' dan profesional yang berilmu, beramal dan bertaqwa.
- ii. Membantu membangunkan ummah yang berilmu serta mengamalkan ajaran berlandaskan al-Quran.
- iii. Menjalankan penyelidikan dan perundingan untuk pembangunan ilmu dan insan demi kepentingan ummah.
- iv. Membina khazanah ilmu yang berteraskan prinsip-prinsip Islam dan menyebarkan ilmu tersebut untuk dimanfaatkan oleh masyarakat.
- v. Menggunakan teknologi maklumat dan komunikasi (ICT) serta teknologi terkini dalam semua aspek pembelajaran, penyelidikan, perundingan, penerbitan dan lain-lain aktiviti akademik.

Syarat kelayakan masuk untuk mengikuti pengajian Diploma Tahfiz wa al-Qiraat di Kulliyah al-Quran, KUIN adalah seperti berikut (Website KUIN, 2008):

- i. Lulus Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) dengan mendapat sekurang-kurangnya tiga (3) kepujian termasuk mata pelajaran Bahasa Melayu dan 2 mata pelajaran lain yang berkaitan; ATAU
- ii. Kelayakan lain yang setaraf yang diiktiraf oleh Kerajaan Malaysia; DAN
- iii. Lulus ujian temuduga

Pengajian di *Kulliyah al-Quran* ini dibahagikan kepada 6 semester atau 3 tahun untuk Program Diploma Tahfiz al-Quran wal-Qiraat. Pelajar mesti menamatkan hafazan al-Quran 30 juzuk untuk tempoh tersebut di samping mata pelajaran-mata pelajaran lain yang perlu diambil. Pemegang diploma ini layak untuk menyambung pengajian ke peringkat Sarjana Muda sama ada di Ma'had Qiraat, Shoubra Universiti al-Azhar, Mesir atau di universiti tempatan.

1.1 Latarbelakang Kajian

Kajian ini dijalankan adalah untuk mengenalpasti apakah bentuk-bentuk rangsangan pembelajaran dan apakah jenis-jenis stail pembelajaran yang signifikan mempengaruhi prestasi

hafazan pelajar Diploma Tahfiz wa al-Qiraat KUIN pada tahun 2008. Oleh yang demikian, persoalan kajian yang cuba dijawab oleh penyelidik dalam kajian ini adalah;

- i. Apakah bentuk-bentuk rangsangan pembelajaran yang signifikan mempengaruhi prestasi hafazan?
- ii. Apakah jenis stail pembelajaran yang signifikan mempengaruhi prestasi hafazan?
- iii. Adakah terdapat hubungan yang signifikan antara jumlah jam menghafaz dalam sehari dengan prestasi hafazan?
- iv. Adakah terdapat hubungan yang signifikan antara gred yang diperolehi dalam mata pelajaran Bahasa Arab pada peringkat SPM dengan prestasi hafazan?
- v. Adakah terdapat hubungan yang signifikan antara jumlah juzuk yang dihafaz sebelum belajar di KUIN dengan prestasi hafazan?
- vi. Adakah terdapat hubungan yang signifikan antara persepsi kekuatan daya ingatan dengan prestasi hafazan?

Prestasi hafazan (gred subjek al-Quran)

1.2 Signifikan Kajian


- i. Hasil kajian ini akan digunakan oleh Kulliiyyah al-Quran, KUIN bagi mengenalpasti jenis-jenis rangsangan dan stail pembelajaran yang signifikan mempengaruhi prestasi hafazan pelajar supaya tindakan intervensi dari sudut pentadbiran dan pengelolaan program dapat dilakukan untuk meningkatkan kualiti pengajaran dan pembelajaran dari masa ke semasa demi memartabatkan al-Quran di tempat yang tertinggi.
- ii. Hasil kajian akan membantu pihak Kulliiyyah al-Quran menyediakan infrastruktur dan prasarana untuk disesuaikan dengan stail dan rangsangan pembelajaran pelajar-pelajar.
- iii. Juga, hasil kajian ini harapnya boleh dijadikan rujukan dan panduan oleh pusat-pusat pengajian Tahfiz di seluruh negara untuk meningkatkan prestasi pelajar dan memperbaiki kualiti pengajaran dan pembelajaran di tempat mereka.

1.3 Kerangka Teoritikal Kajian

Rajah 1 Kerangka Teoritikal

Pembolehubah bebas:

Pembolehubah bersandar:



Stail Pembelajaran:

- Auditori
- Visual
- Kinestetik
- Kumpulan
- Individu
- Terancang
- Tidak terancang

2.0 ULASAN LITERATUR TERPILIH

2.1 Stail Pembelajaran dan Pencapaian Akademik

Kebanyakan penyelidikan empirikal menunjukkan stail pembelajaran boleh menghalang atau meningkatkan pencapaian akademik dalam beberapa aspek (Riding & Grimiey, 1999). Kejayaan dan kegagalan seseorang adalah berpunca daripada cara pembelajarannya sendiri yang berkesan atau sebaliknya. Cara pembelajaran seseorang adalah tidak sama dan ia bukanlah satu perkara yang statik dan boleh diikuti oleh semua orang. Menurut Maznah Ismail dan Yoong Suan (1995), pendekatan pembelajaran yang seseorang gunakan bergantung kepada ciri-ciri diri, motif mereka belajar dan juga kepada persepsi mereka terdapat tugas-tugas pembelajaran dan konteks tugas-tugas ini diberi.

Kajian-kajian juga mendapati selain daripada minat dan motivasi pelajar, perkara yang tidak kurang pentingnya bagi seseorang pelajar adalah cara bagaimana mereka belajar. Salah satu cara pembelajaran yang sememangnya perlu bagi setiap orang adalah secara individu. Pembelajaran secara individu berupaya untuk mentafsir realiti atau memperoleh celik akal untuk digunakan dalam kehidupan seharian (Habibah Elias, Zaidatul Akmaliah Lope Pihie, Rahil Hj Mahyudin, 1995).

Teori stail pembelajaran menyatakan pelajar lebih menggemari satu gaya atau stail pembelajaran lebih daripada yang lain. Teori ini mencadangkan bahawa dengan mereka-bentuk pengalaman pendidik, kurikulum dan pengajaran yang sepadan dengan stail pembelajaran pelajar mungkin lebih boleh memperbaiki pencapaian akademik (Irvine & York, 1995). Pelajar dengan stail pembelajaran yang tertentu dan spesifik mendapat pencapaian akademik yang lebih baik daripada individu dengan stail yang lain (McCaulley & Natter, 1980; Miller, Always & McKinley, 1987).

Cheang, Amreet dan Nik Suria (1994) telah mendapati bahawa stail pembelajaran yang paling disukai pelajar dalam pembelajaran Bahasa Inggeris ialah stail pembelajaran auditori dan belajar dalam kumpulan. Kajian mereka tidak meliputi stail pembelajaran taktil dan kinestetik. Syed Hassan Syed Mahdar (2000) dengan kaedah eksperimen pula menunjukkan bahawa pelajar-pelajar yang mengalami kombinasi ketiga-tiga stail pembelajaran iaitu visual, auditori dan taktil mencapai kemajuan yang lebih baik berbanding dengan pelajar-pelajar yang hanya mempunyai satu stail pembelajaran. Di samping itu juga, pembelajaran stail taktil menjadi pilihan kedua yang terbaik dalam stail pengajaran-pembelajaran. Heather, Robin Dan Takahiro (2000) pula mendapati stail sensori yang paling digemari ialah kinestetik, auditori dan taktil,

manakala stail pembelajaran berkumpulan adalah stail sosial yang digemari. Mereka juga mendapati stail bahawa terdapat perhubungan yang signifikan di antara keutamaan pemilihan stail kinestetik dan peningkatan gred di dalam kursus yang berdasarkan kemahiran amali. Dalam kajian yang lain, stail pembelajaran yang paling dominan yang digemari oleh pelajar ialah *reflector* dan stail yang paling kurang digemari ialah *activist*. Pelajar sains menunjukkan peratus yang paling tinggi terhadap stail *activist* dan *theorist* berbanding dengan pelajar bukan sains (Ahmad Saat, Syed Jamal Abdul Nasir Syed Mohamad dan Jamaludin Ahmad, 2001).

Penyelidik yang menggunakan penunjuk Myers-Briggs Type mendapati bahawa individu dengan stail intuitif mempunyai potensi yang lebih tinggi untuk berjaya di sekolah daripada stail sensori (Myers, 1990). Canfield dan Knight, (1983) menyatakan terdapat perbezaan dalam stail pembelajaran merentasi disiplin akademik, oleh itu pelajar perlu memilih bidang keutamaan yang sepadan dengan stail pembelajaran mereka dan ini meningkatkan persepsi keupayaan mereka untuk berjaya.

Terdapat bukti yang menunjukkan perhubungan positif di antara pelajar *field-independent* dan pencapaian akademik (Marteniz & Norman, 1984, Saracho, 1988). Pelajar *field-independent* juga biasanya menunjukkan tahap pencapaian yang lebih tinggi daripada pelajar *field-independent* dalam membaca, Matematik dan Sains (Davis & Cochran, 1989).

Kajian yang lain ke atas stail pembelajaran dan pencapaian akademik menunjukkan bahawa belajar bagaimana untuk mengawasi dan mengurus stail pembelajaran adalah sangat penting untuk kejayaan akademik (Matthews, 1991; Atkinson, 1998, Biggs & Moore, 1993). Kajian oleh Ross, Drysdale dan Schulz (2001) menunjukkan kesan stail pembelajaran ke atas pencapaian akademik adalah signifikan dalam dua kursus aplikasi komputer di sebuah universiti di bandar dengan menggunakan instrumen Gregore Style Delineator.

Kajian yang lain oleh Nelson et al, (1993) mendapati bahawa pelajar yang terlibat dalam bengkel stail pembelajaran mempunyai CGPA yang lebih tinggi daripada pelajar yang tidak terlibat dalam bengkel tersebut.

Menurut Ried (1984), stail-stail pembelajaran dapat dikelaskan kepada jenis-jenis berikut;

Visual: Belajar dengan baik dengan melihat perkataan dalam buku, di atas papan hitam dan di dalam buku kerja. Dapat mengingati dan memahami maklumat dan arahan dengan lebih baik jika membaca. Tidak memerlukan penerangan secara lisan seperti pelajar auditori dan boleh belajar bersendirian dengan sebuah buku. Perlu mengambil nota kuliah dan arahan secara lisan untuk mengingati maklumat. Auditori: Belajar daripada mendengar perkataan yang diucapkan dan dari penerangan lisan. Dapat mengingati maklumat dengan membaca secara kuat atau menggerakkan bibir semasa membaca, terutama semasa belajar bahan yang baru. Dapat keuntungan daripada mendengar *tape* audio, kuliah atau perbincangan kelas. Dapat faedah daripada membuat *tape* untuk didengar, mengajar pelajar yang lain dan bercakap dengan guru. Kinestetik: Belajar paling baik dengan pengalaman, dengan terlibat secara fizikal dengan pengalaman di bilik darjah. Mengingati maklumat dengan lebih baik apabila mengambil bahagian dalam aktiviti-aktiviti, *field trips* dan memainkan peranan dalam bilik darjah. Kombinasi stimuli, seperti menggabungkan *tape* audio dengan aktiviti, akan membantu dalam memahami bahan yang baru.

Belajar berkumpulan: Belajar lebih senang dengan sekurangnya bersama seorang pelajar lain dan lebih berjaya menyiapkan kerja apabila bekerja dengan orang lain. Menghargai interaksi kumpulan dan kerja kelas dengan pelajar yang lain dan lebih mengingati maklumat bila bekerja dengan dua atau tiga rakan yang lain. Stimulasi yang diterima daripada kerja berkumpulan membantu pembelajaran dan memahami maklumat yang baru. Belajar bersendirian: Belajar paling baik jika bersendirian. Dapat memikir dengan lebih baik apabila belajar bersendirian

dan dapat mengingat maklumat yang dipelajari sendiri. Memahami bahan baru apabila belajar sendiri dan lebih berjaya dalam pelajaran apabila bekerja bersendirian.

Belajar secara terancang: Pendekatan mendalam bercirikan pelajar mencari makna tersirat untuk mengaitkan konsep-konsep yang dipelajari. Pelajar yang menggunakan pendekatan ini mempunyai minat yang tinggi terhadap kandungan pelajaran dan cuba memahaminya secara mendalam. Entwistle et. Al. (1979) menjelaskan bahawa pelajar yang menggunakan strategi pembelajaran secara 'holis' (mendalam) adalah pelajar yang suka menjelajah keperluan sesuatu mata pelajaran itu dan bukannya menerima terus daripada guru. Pelajar juga lebih memberi tumpuan kepada fakta penting dan berkaitan apabila membaca dan mengulangkaji, merangka jawapan sebelum menjawab soalan, kurang berbincang dengan kawan-kawan apabila mengulangkaji, nota mereka lebih mengandungi isi-isi penting, dan mereka lebih banyak bertanya diri sendiri tentang apa didengar atau dibaca. Belajar secara tidak terancang: Pendekatan ini bercirikan hafazan fakta-fakta yang dipelajari apabila pelajar beranggapan bahawa fakta-fakta ini tidak berkaitan antara satu sama lain. Pelajar yang menggunakan pendekatan ini biasanya tidak dapat memahami isi pelajaran secara mendalam (Abdul Razak Habib & Rashidi Azizan, 1997).

2.2 Rangsangan Pembelajaran dan Pencapaian Akademik

Pelajar yang semakin meningkat usianya akan memerlukan struktur yang kurang, walaupun di bawah tekanan (peperiksaan atau tugas belajar yang banyak), kebanyakan pelajar kolej memerlukan struktur (Napolitano, 1986; Sawyer, 1995). Kajian oleh Dunn, Cavanaugh, Eberle dan Zenhausern (1982) menunjukkan pelajar yang menggunakan otak kiri secara dominan memerlukan persekitaran yang sunyi, cahaya yang terang, reka bentuk yang formal, tabah dan tidak memerlukan pengambilan makanan semasa belajar. Sebaliknya, pelajar yang menggunakan otak kanan secara dominan, mengutamakan cahaya rendah dan tempat duduk yang tidak formal, tidak tabah dan biasanya memerlukan pengambilan makanan semasa belajar. Keperluan untuk persekitaran yang sunyi meningkat dan keperluan dalam pengambilan makanan berkurangan semasa belajar dalam kalangan pelajar dewasa. Keperluan persekitaran yang sunyi dan sedikit atau tiada langsung pengambilan makanan semasa belajar adalah *trait* analitik, manakala keperluan untuk persekitaran yang tidak sunyi dan pengambilan makanan semasa belajar merupakan *trait* global (Dunn, Cavanaugh, Eberle & Zenhausern, 1982).

Dari segi keutamaan masa belajar, Lam-Phoon (1986), mendapati pelajar kolej dari Asia memilih pembelajaran pada waktu pagi. Pelajar Mexican-American juga mengutamakan pembelajaran pada waktu pagi tetapi tidak gemar pembelajaran pada waktu tengah hari. Sebaliknya, pelajar Caucasian, Africa-America dan Creek mengutamakan pembelajaran pada waktu tengah hari (Dunn, Gemake, Jalali, Zenhausern, Quinn & Spiridakis, 1990; Sims, 1988).

Menurut Dunn, Dunn dan Price, (1979, 1980, 1990) terdapat 5 bentuk rangsangan yang mempengaruhi pembelajaran. Berikut adalah lima jenis rangsangan-rangsangan tersebut:

Persekitaran:- Cahaya, bunyi, suhu, dan reka bentuk bilik.

Emosi:- Perancangan berstruktur, ketekunan, motivasi dan tanggungjawab.

Sosial:- Pasangan, rakan sebaya, kumpulan dan pelbagai.

Fizikal:- Kekuatan persepsi, mobiliti, pengambilan dan masa seharian.

Psikologi:- Global/analitik, *impulsive/reflective* dan kedominan otak kanan atau kiri.

Motivasi:- Berkecenderungan bekerja keras dalam pembelajaran (Entwistle & Hounsel, 1975)

Berikut adalah penerangan ringkas mengenai elemen dibawah setiap rangsangan atau stimuli (Carbo, Dunn & Dunn, 1991):-

Rangsangan persekitaran: Reaksi pelajar kepada stimuli adalah ditentukan oleh kandungan biologi, dengan itu tidak dapat mengubah pendengaran, penglihatan, suhu atau sensitiviti badan. Rangsangan emosi: Elemen emosi pelajar adalah berkembang iaitu ia muncul melalui pengalaman di rumah, sekolah, taman permainan, perjalanan dan sebagainya. Rangsangan sosial: Kegemaran pelajar berhubung dengan belajar secara sendiri atau berkumpul dan sama ada belajar dengan pelbagai cara membantu mereka belajar daripada maklumat yang diberi. Rangsangan fizikal: Elemen fizikal pelajar adalah biologikal secara semulajadi dan berhubung dengan bagaimana kita belajar melalui pancaindera iaitu auditori, visual, taktil dan kinestetik. Rangsangan psikologi: Perbezaan dalam fungsi otak menyumbangkan kepada perbezaan stail pembelajaran dalam individu yang berlainan; dicadangkan pembelajaran dapat dicapai dengan lebih baik untuk individu yang berbeza melalui pendekatan yang berbeza. Rangsangan Motivasi: Pelajar yang menggunakan pendekatan motivasi biasanya berkecenderungan bekerja keras dalam pembelajaran. Ini menunjukkan motivasi mempunyai hubungan dengan kaedah pembelajaran. Pelajar-pelajar yang bermotivasi tinggi biasanya digerakkan untuk belajar melalui motivasi dalaman (intrinsik) (Entwistle & Hounsell, 1975).

3.0 Metodologi Kajian

3.1 Sampel

Sampel kajian ini terdiri daripada pelajar-pelajar program Diploma Tahfiz wa al-Qiraat KUIN yang berjumlah 118 yang dipilih daripada senarai daftar pelajar yang dikeluarkan oleh pihak kulliyah.

3.2 Kaedah pengumpulan data

Kajian ini menggunakan borang soal-selidik bagi tujuan pengumpulan data. Oleh kerana kajian ini dijalankan semasa para pelajar sedang bercuti semester, pasukan penyelidik telah melantik dua orang pembantu (*research assistant*) untuk menghubungi pelajar melalui telefon. Seterusnya pembantu tersebut telah meminta persetujuan pelajar terbabit untuk memberikan kerjasama bagi menjawab soalan soal-selidik melalui telefon. Soalan-soalan soal-selidik dibacakan kepada pelajar dan pembantu telah menandakan respon mereka pada borang soal-selidik. Proses ini mengambil masa lebih kurang 20 minit bagi setiap pelajar yang dihubungi. Kerja-kerja pengumpulan data mengambil masa selama 3 minggu. Maklumat-maklumat seperti CGPA terkini dan keputusan peperiksaan bagi subjek al-Quran bagi setiap pelajar diperolehi daripada Jabatan Hal Ehwal Akademik (HEA).

3.3 Instrumen Kajian

Instrumen kajian ini diadaptasi daripada *Learning Style Inventory* (Dunn, Dunn & Price, 1978) dan *Perceptual Learning Style Preference Survey* (Reid, 1984). Ia telah diterjemahkan ke Bahasa Malaysia dan dibuat pengubahsuaian supaya selaras dengan konteks pelajar Institut Pengajian Tinggi di Malaysia.

Instrumen ini terbahagi kepada tiga bahagian, iaitu:-

Bahagian A: Maklumat demografik.

Bahagian B: *Learning Style Inventory* yang mengukur rangsangan pembelajaran yang digemari semasa belajar.

Bahagian C: *Perceptual Learning Style Preference Survey* yang mengukur keutamaan stail pembelajaran pelajar.

Di dalam kajian ini, pembolehubah bersandar yang merupakan gred bagi subjek al-Quran yang bagi semester terkini diukur dengan menggunakan skala numerik yang dijelaskan dalam Jadual 1. Gred yang diperolehi pelajar perlu ditukar kepada skala numerik bagi membolehkan operasi statistik dilakukan bagi melihat hubungannya dengan stail dan rangsangan pembelajaran. Skala numerik yang digunakan adalah berdasarkan kepada skala rasmi yang digunakan oleh KUIN bagi pengiraan PMK pelajar.

Jadual 1 Skala Numerik bagi Gred yang diperolehi bagi subjek al-Quran

Gred	Skala
A	4.00
A -	3.67
B +	3.33
B	3.00
B -	2.67
C +	2.33
C	2.00
D +	1.50
D	1.00
F	0.00
* TD	0.00
** XK	0.00

* Tarik diri (matagred tidak dikira dalam PMK)

** Dihalang menduduki peperiksaan

3.4 Kaedah Analisis

Kajian ini menggunakan perisian SPSS versi 12.0 untuk menganalisis data-data dan melakukan pengujian untuk menjawab persoalan kajian. Maklumat demografik responden dianalisis menggunakan statistik deskriptif (bilangan, peratusan, dan purata), manakala persoalan kajian dijawab dengan menggunakan statistik inferensi (analisis korelasi).

4.0 DAPATAN KAJIAN

4.1 Maklumat Deskriptif Responden

64.4% responden kajian ini terdiri daripada pelajar lelaki, manakala selebihnya adalah pelajar wanita iaitu sebanyak 35.6%, seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 1.

Jadual 1 Jantina

Jantina	Bilangan	Peratusan
Lelaki	76	64.4
Perempuan	42	35.6
Jumlah	308	100.0

Majoriti responden terdiri dari pelajar-pelajar yang berusia sekitar 20 hingga 21 tahun. Jadual 2a meringkaskan kelas umur responden yang terdiri daripada pelajar-pelajar Diploma Tahfiz wa al-Qiraat, KUIN. Secara keseluruhan, purata umur pelajar Tahfiz KUIN adalah di sekitar 20 tahun berdasarkan bacaan min seperti yang ditunjukkan dalam jadual 2b.

Jadual 2a Kelas Umur

Umur	Bilangan	Peratusan
19	22	18.6
20	30	25.4
21	34	28.8
22	16	13.6
23	8	6.8
24	5	4.2
25	2	1.7
29	1	0.8
Jumlah	118	100

Jadual 2b Min, Median, dan Mod Umur Pelajar

Mean	20.91
Median	21.00
Mode	21

Jadual 3a dibawah menunjukkan jumlah jam yang dihabiskan oleh pelajar Tahfiz KUIN untuk menghafaz dalam sehari. Berdasarkan maklumbalas yang diperolehi, kebanyakan pelajar (28%) menghabiskan masa selama 3 jam sehari untuk melakukan hafazan. Secara puratanya, pelajar Tahfiz KUIN menghabiskan masa selama 3.5 jam untuk meghafaz dalam sehari, seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 3b dibawah.

Jadual 3a Jumlah Jam hafazan dalam sehari

Jam hafazan dalam sehari	Frequency	Percent
--------------------------	-----------	---------

1	14	11.9
2	19	16.1
3	33	28.0
4	24	20.3
5	18	15.3
6	3	2.5
7	1	.8
8	3	2.5
9	1	.8
10	2	1.7
Total	118	100.0

Jadual 3b *Min, medan, dan mod jam hafazan dalam sehari*

Mean	3.52
Median	3.00
Mode	3

Daripada segi rekod pengambilan pelajar, kebanyakan pelajar yang mengambil program Diploma Tahfiz wa al-Qiraat di KUIN mendapat gred 7 D (lulus) bagi mata pelajaran Bahasa Arab pada peringkat Sijil Peperiksaan Malaysia (SPM) seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 4.

Jadual 4 Gred Bahasa Arab pada peringkat SPM

Gred Bhs Arab SPM	Frequency	Percent
Cemerlang	A 1	.8
	A 2	5.9
Kepujian	3 B	4.2
	4 B	6.8
	5 C	14.4
	6 C	22.0
Lulus	7 D	28.8
	8 E	15.3
Gagal	9 G	1.7
Total	118	100.0

Jadual 5a dibawah menunjukkan bilangan juzuk al-Quran yang telah dihafaz oleh pelajar sebelum mereka menyambung pengajian di KUIN. Hasil kajian telah mendapati bahawa majoriti pelajar Tahfiz KUIN rata-ratanya belum menghafaz dan menguasai sebarang juzuk (57.6%). Walau bagaimanapun, terdapat sebanyak 21.2% pelajar (25 orang) telah menghafaz sebanyak 30 juzuk al-Quran sebelum mereka menyambung pengajian di KUIN. Daripada segi puratanya, pelajar-pelajar Tahfiz KUIN telah menghafaz sebanyak 8 juzuk al-Quran sebelum mereka menyambung pengajian di KUIN seperti ditunjukkan dalam jadual 5b.

Jadual 5a Jumlah juzuk yang telah dihafaz sebelum belajar di KUIN

Jumlah juzuk yang telah dihafaz	Frequency	Percent
0	68	57.6
1	1	.8
2	1	.8
5	5	4.2
6	1	.8
8	1	.8
9	1	.8
10	3	2.5
12	2	1.7
15	5	4.2
17	1	.8
20	1	.8
21	1	.8
24	1	.8
25	1	.8
30	25	21.2
Total	118	100.0

Jadual 5b Min, median, dan mod jumlah juzuk yang telah dihafaz sebelum belajar di KUIN

Mean	8.79
Median	.00
Mode	0

Jadual 6 di bawah menunjukkan gred yang diperolehi pelajar Tahfiz KUIN dalam mata pelajaran hafazan al-Quran bagi semester yang berakhir pada Mac 2008. Majoriti pelajar

memperolehi gred yang cemerlang, iaitu seramai 22 pelajar (18.6%) memperoleh gred A, manakala 14 lagi (11.9%) memperoleh gred A-. Keseluruhannya 36 pelajar memperoleh gred cemerlang dalam mata pelajaran hafazan al-Quran. Walaubagaimanapun, bilangan pelajar yang mendapat matagred 0.00 juga menunjukkan jumlah yang tinggi iaitu sebanyak 34 pelajar. Daripada jumlah ini, seramai 4 pelajar (3.4%) mendapat matagred 0.00 kerana mendapat gred F (gagal), 10 pelajar (8.5%) kerana mendapat gred TD (tarik diri), dan 20 pelajar (16.9%) kerana mendapat gred XK (dihalang menjalani ujian). Bagi pelajar yang mendapat gred TD, ia tidak akan dikira dalam pengiraan PMK. Hanya gred F dan XK yang akan diambil kira dalam pengiraan PMK. Oleh itu, terdapat seramai 24 pelajar yang gagal di dalam peperiksaan pada semester tersebut, iaitu mereka yang memperoleh gred F dan XK.

Jadual 6 Taburan gred markah bagi mata pelajaran al-Quran

Gred subjek al-Quran	Frequency	Percent
A (4.00)	22	18.6
A- (3.67)	14	11.9
B+ (3.33)	16	13.6
B (3.00)	8	6.8
B- (2.67)	5	4.2
C+ (2.33)	8	6.8
C (2.00)	5	4.2
D+ (1.50)	3	2.5
D (1.00)	3	2.5
F (0.00)	4	3.4
TD (0.00)	10	8.5
XK (0.00)	20	16.9
Total	118	100.0

Jadual 7a dibawah menunjukkan kekuatan tahap daya ingatan pelajar-pelajar Tahfiz KUIN yang dinilai pada skala 1=lemah – 10=kuat berdasarkan kepada persepsi dan pengakuan mereka. Majoriti pelajar menyatakan bahawa tahap daya ingatan mereka adalah di antara 5 hingga 6, iaitu pada tahap pertengahan. Secara purata, kekuatan daya ingatan pelajar tahfiz KUIN adalah pada tahap sederhana iaitu berdasarkan kepada bacaan min = 5.97.

Jadual 7a Persepsi kekuatan daya ingatan

Tahap daya ingatan pada skala 1 - 10	Frequency	Percent
3	2	1.7
4	4	3.4

5	39	33.1
6	37	31.4
7	23	19.5
8	12	10.2
9	1	.8
Total	118	100.0

Jadual 7b Min, median, dan mod persepsi kekuatan daya ingatan

Mean	5.97
Median	6.00
Mode	5

4.2 Dapatan persoalan kajian

Persoalan kajian yang dijawab oleh penyelidik dalam kajian ini adalah;

- i. Apakah bentuk-bentuk rangsangan pembelajaran yang signifikan mempengaruhi prestasi akademik pelajar-pelajar KUIN?
- ii. Apakah jenis stail pembelajaran yang signifikan mempengaruhi prestasi akademik pelajar-pelajar KUIN?
- iii. Adakah terdapat hubungan yang signifikan antara jumlah jam menghafaz dalam sehari dengan prestasi hafazan?
- iv. Adakah terdapat hubungan yang signifikan antara gred yang diperolehi dalam mata pelajaran Bahasa Arab pada peringkat SPM dengan prestasi hafazan?
- v. Adakah terdapat hubungan yang signifikan antara jumlah juzuk yang dihafaz sebelum belajar di KUIN dengan prestasi hafazan?
- vi. Adakah terdapat hubungan yang signifikan antara persepsi kekuatan daya ingatan dengan prestasi hafazan?

Untuk menjawab persoalan tersebut, analisis korelasi telah digunakan. Jadual 8, 9, 10, 11, 12 dan 13 menerangkan keputusan hasil dapatan kajian ini.

Berdasarkan Jadual 8 di bawah, hasil kajian mendapati rangsangan fizikal ($r = -.184$, $p = .046$) dan rangsangan emosi ($r = -.317$, $p = 0.00$) mempunyai hubungan yang signifikan secara negatif dengan prestasi hafazan pelajar Tahfiz KUIN. Rangsangan persekitaran, psikologi, dan motivasi tidak mempunyai hubungan yang signifikan dengan dengan prestasi hafazan pelajar.

Jadual 8 Korelasi Antara Rangsangan Pembelajaran Dengan CGPA

Rangsangan Pembelajaran	Prestasi hafazan
--------------------------------	-------------------------

Rangsangan Fizikal	Korelasi Pearson	-.184 *
	Sig.	.046
	N	118
Rangsangan Persekitaran	Korelasi Pearson	.003
	Sig.	.970
	N	118
Rangsangan Emosi	Korelasi Pearson	-.317 **
	Sig.	.000
	N	118
Rangsangan Psikologi	Korelasi Pearson	-.045
	Sig.	.628
	N	118
Rangsangan Motivasi	Korelasi Pearson	-.089
	Sig.	.336
	N	118

* Correlation is significant at the 0.05 level (2-tailed).

** Correlation is significant at the 0.01 level (2-tailed).

Berdasarkan Jadual 9, kajian juga mendapati bahawa stail pembelajaran yang mempunyai hubungan yang signifikan dengan prestasi hafazan hanyalah stail pembelajaran secara kinestetik. Ia mempunyai hubungan yang signifikan secara negatif dengan prestasi akademik ($r = -.189$, $p = .040$). Stail-stail pembelajaran auditori, visual, kumpulan, individu, terancang, dan tidak terancang tidak menunjukkan sebarang perkaitan dengan prestasi hafazan pelajar.

Jadual 9 Korelasi Antara Stail Pembelajaran Dengan CGPA

Stail Pembelajaran		Prestasi hafazan
Auditori	Korelasi Pearson	.023
	Sig.	.805
	N	118
Visual	Korelasi Pearson	.043
	Sig.	.645
	N	118
Kinestetik	Korelasi Pearson	-.189(*)

	Sig.	.040
	N	118
Kumpulan	Korelasi Pearson	-.132
	Sig.	.154
	N	118
Individu	Korelasi Pearson	.074
	Sig.	.428
	N	118
Terancang	Korelasi Pearson	-.010
	Sig.	.918
	N	118
Tidak terancang	Korelasi Pearson	.172
	Sig.	.063
	N	118

* Correlation is significant at the 0.05 level (2-tailed).

** Correlation is significant at the 0.01 level (2-tailed).

Berdasarkan hasil kajian, didapati bahawa jumlah jam yang dihabiskan oleh pelajar dalam sehari untuk menghafaz tidak mempunyai hubungan yang signifikan dengan prestasi hafazan mereka. Ini ditunjukkan dalam Jadual 10 di bawah ($r = -.081$, $p = .384$). Maka dapat dibuat tafsiran di sini bahawa jumlah masa yang dihabiskan dalam sehari untuk menghafaz tidak semestinya menentukan kecemerlangan dalam hafazan. Sebaliknya penggunaan masa secara berkualiti semasa menghafaz walaupun singkat, dapat memberikan hasil yang terbaik.

Jadual 10 Korelasi antara jam hafazan dalam sehari dengan prestasi hafazan

Rangsangan Pembelajaran		Prestasi hafazan
Jumlah jam menghafaz dalam sehari	Korelasi Pearson	-.081
	Sig.	.384
	N	118

Jadual 11 dibawah menjelaskan korelasi antara gred yang diperolehi pelajar dalam mata pelajaran Bahasa Arab pada peringkat SPM dengan prestasi hafazan. Walaupun penguasaan bahasa Arab dapat membantu dalam proses memahami al-Quran, namun hasil kajian mendapati ia tidak mempunyai hubungan yang signifikan dengan prestasi hafazan ($r = -.052$, $p = .575$).

Jadual 11 Korelasi antara gred Bahasa Arab dalam SPM dengan prestasi hafazan

Rangsangan Pembelajaran		Prestasi hafazan
Gred Bahasa Arab dalam SPM	Korelasi Pearson	-.052
	Sig.	.575
	N	118

Hasil kajian mendapati bahawa jumlah juzuk yang telah dihafaz oleh pelajar sebelum meneruskan pengajian di KUIN mempunyai hubungan yang signifikan secara negatif dengan prestasi hafazan mereka semasa mengikuti pengajian di KUIN ($r = -.397$, $p = .000$). Ini bermakna, jumlah juzuk yang dihafaz oleh pelajar sebelum meneruskan pengajian di KUIN sememangnya membantu prestasi hafazan mereka, tetapi tidak semestinya semakin banyak juzuk yang dihafaz semakin baik prestasi hafazan mereka. Hasil dapatan menunjukkan bahawa pelajar yang menghafaz jumlah juzuk yang walaupun tidak banyak sebelum memasuki KUIN juga boleh menunjukkan prestasi hafazan yang baik di semasa pengajian di KUIN.

Jadual 12 Korelasi antara jumlah juzuk dihafaz sebelum masuk KUIN dengan prestasi hafazan.

Rangsangan Pembelajaran		Prestasi hafazan
Jumlah juzuk dihafaz sebelum masuk KUIN	Korelasi Pearson	-.397(**)
	Sig.	.000
	N	118

Berdasarkan Jadual 13 di bawah, terdapat hubungan yang signifikan secara negatif di antara persepsi kekuatan daya ingatan dengan prestasi hafazan ($r = -.213$, $p = .020$). Ini bermakna, daya ingatan sememangnya dapat memberikan kelebihan kepada pelajar dalam menghafaz, tetapi hasil kajian menunjukkan bahawa semakin tinggi persepsi pelajar terhadap daya ingatannya, semakin rendah prestasi hafazannya. Ini berlaku mungkin disebabkan pelajar tersebut akan kurang mengulang-kaji (menghafaz) pelajarannya kerana yakin dengan kemampuan memorinya. Sebaliknya, jika seseorang pelajar mempercayai bahawa ingatannya tidak berapa kuat, prestasi hafazannya akan menjadi semakin baik. Fenomena ini terjadi kerana apabila pelajar menyedari bahawa daya ingatannya lemah, oleh itu dia harus berusaha keras menghafaz pelajarannya.

Jadual 13 Korelasi antara persepsi kekuatan daya ingatan dengan prestasi hafazan

Rangsangan Pembelajaran		Prestasi hafazan
Persepsi kekuatan daya ingatan	Korelasi Pearson	-.213(*)
	Sig.	.020
	N	118

5.0 IMPLIKASI DAN CADANGAN

Implikasi dan cadangan kajian ini diambil kira daripada tiga perspektif iaitu pensyarah, pelajar dan untuk kajian masa hadapan.

Pensyarah mempunyai peranan yang penting untuk memahami setiap pelajar daripada segi keutamaan pemilihan stail pembelajaran mereka. Ini adalah kerana apabila pelajar diajar melalui kekuatan mereka iaitu mengikut stail pembelajaran mereka, mereka akan lebih belajar secara mendalam, mengekalkannya dengan lebih lama dan lebih gembira melalui proses pembelajaran berbanding dengan mengajar pelajar melalui kelemahan mereka (Dunn dan Griggs, 1989). Pencapaian akademik juga meningkat apabila pelajar diajar melalui keutamaan stail pembelajaran mereka pilih (Lembke, 1985).

Berikut adalah cadangan yang boleh diambil, hasil daripada kajian yang telah dijalankan:- (1) Setiap pelajar perlu melengkapkan instrumen stail pembelajaran semasa Minggu Orientasi. Ini membolehkan pelajar menyedari keutamaan pemilihan stail pembelajaran mereka dan juga rakan yang lain. Fakulti dan tenaga pengajar pula dapat menyediakan aktiviti dan kaedah pengajaran yang sesuai dengan semua pelajar berdasarkan stail pembelajaran mereka. (2) Setiap pensyarah perlu mengenal pasti stail pembelajaran pelajar di dalam kursus atau mata pelajaran dengan menggunakan Inventori Stail Pembelajaran dan Soal Selidik Persepsi Pemilihan Stail Pembelajaran. Maklumat ini kemudiannya boleh digunakan untuk mereka bentuk persekitaran pembelajaran di bilik kuliah serta strategi pengajaran yang menggalakkan pembelajaran dalam semua pelajar. (3) Setiap pensyarah juga perlu mempelbagaikan stail pengajaran mereka sendiri dan menyesuaikan dengan stail pembelajaran pelajar. Mereka perlu lebih fleksibel dalam stail pengajaran mereka dengan menggunakan pelbagai ukuran pengajaran dan penilaian untuk memenuhi keperluan semua pelajar di bilik kuliah. (4) Dengan mengenal pasti ciri-ciri stail pembelajaran pelajar, pihak pentadbiran dapat melaksanakan program kemahiran belajar selari dengan stail pembelajaran mereka.

6.0 KESIMPULAN

Rangsangan dan stail pembelajaran adalah antara faktor-faktor yang mempunyai hubungan dengan prestasi akademik pelajar. Oleh yang demikian, pelajar, pensyarah dan pentadbir organisasi pendidikan haruslah lebih peka dan menangani isu ini dengan sebaik mungkin kerana implikasinya boleh membawa kepada kejayaan atau kegagalan seseorang pelajar yang berpotensi untuk menjadi aset bernilai kepada negara pada masa hadapan. Adalah sesuatu yang merugikan semua pihak jika fenomena keciciran pelajar yang berpunca daripada prestasi akademik yang tidak memberangsangkan tidak ditangani secara ilmiah dan bersepadu.

RUJUKAN:

- Ahmad Saat, Syed Jamal Abdul Nasir Syed Muhammad & Jamaluddin Ahmad (2001). *Students' Learning Styles: A Case Study of UiTM Pahang. Seminar Proceedings, Learning and Motivation: Insight from Multiple Perspectives*, Institute for Child and Adolescent Education, University Utara Malaysia, Longman. Pearson Education Malaysia Sdn.Bhd.
- Atkinson, S. (1998). Cognitive style in the context of design and technology work. *Educational Psychology*, 18(2), 183-194.

- Biggs, J.B. & Moore, P.J. (1993). *The process of learning* (3rd edition ed.). Englewood Cliffs, N.J. : Prentice Hall.
- Canfield, A.A. & Knight, W.(1983). *Learning Styles Inventory*. Los Angeles, : Western Psychological Services.
- Carbo, M., Dunn, R. & Dunn, K. (1991). *Teaching Students To Read Through Their Individual Learning Styles*. Prentice Hall.
- Cheang E. K., Amreet K. & Nik Suria Nik Muhamad (1994). A Survey of The Learning Styles Among. The ITM Perlis Students In The Study Of The English Language. Presented to Research and Consultancy Centre, Institut Teknologi MARA, Shah Alam, Selangor.
- Davis, J.K. & Cochran, K.F. (1989). An information processing view of field-dependence-independence. *Early Child Development and Care*, 43,129-145
- Dunn, R., Dunn K & Price, G. (1978). *Learning Style Inventory*. Lawrence, KS : Price Systems.
- Dunn, R., Dunn K & Price, G. (1982). *Manvel : Productivity environmental preference survey* . Lawrence,KS : Price Systems.
- Dunn, R. Dunn K & Griggs, S. (1996). *Hispanic American Student and Learning Style ERIC Digest*, ED 393607.
- Dunn, R., Gemake, J., Jalali, F., Zenhausern, R., Quinn, P. & Spiridakis, J. (1990 April). Cross-cultural differences in the learning styles of elementary-age students from four ethnic backgrounds. *Journal of Multicultural Counseling and Development*, 18(2), 68-93.
- Dunn, R., Cavanaugh, D., Elberle, B., & Zenhausern, R. (1982). Hemispheric preference : The newest element of learning style, *The American Biology Teacher*, 44,5(May), 291-294.
- Entwiste, N.J and Hounsel, D. (1975) *How Students Learn*. Lancaster; Lancaster University
- Habibah Alias, Zaidatul Akmaliah Lope Pihie & Rahil Hj Mahyuddin. (1995). Persepsi Pelajar Terhadap Pengajaran dan Pembelajaran. *Jurnal Pendidik dan Pendidikan*, Jilid 14, Universiti Pertanian Malaysia.
- Heather, T., Robin, C. & Takahiro, K. (2000). Relating Preferred Learning Style to Student Achievement. Paper presented at the Annual Meeting of the Teachers of English to Speakers of Other Languages. (Vancouver, BC, March 14-18, (2000). ERIC No : ED 445513.
- Lam-Phoon, S. (1986). A comparative study of the learning styles of southeast Asian and American Caucasian college students of two Seventh-Day Adventist Campuses. Doctoral dissertation, Andrews University, Michigan.
- Martines , R.& Norman, R.D.(1984). Effects of Behavioral on field independence among Chicano children. *Hispanic Journal of Behavioral Sciences*, 6, 113-126.
- Matthews, D.B. (1991). The effects of learning styles on grades of first-year college students. *Research in Higher Education*, 32(3), 253-268.
- Maznah Ismail & Yoong Suan (1995). Kajian Terhadap Pendekatan Pembelajaran Pelajar. *Jurnal Pendidik dan Pendidikan*, Jilid 14,pp. 11-18.
- McCauley, M.H. & Natter, F.L. (1980). (Myers-Briggs) Psychological Type Differences in education. Gainesville, Fla : Center For Application of Psychology Type.
- Miller, C.D., Always M. & McKinley, D.L. (1987). Effects of learning styles and Strategies on academic success, *Journal of college Student Personnel* 28(5): 400-404.

- Myers, I.B. (1990). *Gifts differing*. 2nd ed. Palo Alto, Calif. : Consulting Psychologist Press.
- Napolitano, R.A. (1986). An experimental investigation of the relationships among achievement, attitude scores, and traditionally, marginally, and underprepared college students enrolled in an introductory psychology course when they are matched and mismatched with their learning style preferences for the element of structure. Doctoral dissertation, St. John's University. *Dissertation Abstracts International*, 47, 435A.
- Nelson, B., Dunn, R., Griggs, S., Primavera, L., Fitzpatrick, M., Baciliou, Z., & Miller, R. (1993). Effects of learning style intervention on college students' retention and achievement. *Journal of College Students Development*, 34, 364-369.
- Reid, J. (1984). The Learning Style Preference of ESL Students. *TESOL Quarterly*, 21 (2), 87-111.
- Riding, R. & Grimley, M. (1999). Cognitive style and learning from Multimedia materials in 11-year children. *British Journal of Educational Technology*, 30(1), 43-59.
- Ross, J.L., Drysdale, M.T.B. dan Schulz, R.A. (2001). Cognitive Learning Style and Academic Performance in Two Postsecondary Compute Application Courses. *Journal of Research on Computing in Education*, Summer 2001, Vol. 33 Issue 4, p400, 13p, 4 charts.
- Saracho, O.N. (1988). Cognitive style and young children's learning. *Early Child Development and Care*, 30, 213-220.
- Sawyer, E. (1995). The need for structure among high school student: When is enough, enough? *NASSP Principals*, 79 (569), 85-92.
- Syed Hassan bin Syed Mahdar (2000). *The Teaching-Learning Style of An Accounting Subject: A Study of Diploma Students In Business Studies*, MARA University Of Technology Perlis Campus. Unpublished Project Paper, Master of Science (Human Resource Development), Universiti Putra Malaysia.